

Profesor yakin Jerman juara

» Pilihan Dr Mustafa, Dr Yuserrie berdasarkan pasukan mantap

Oleh Nazura Ngah, Nor Azizah Mokhtar, Mohd Zaky Zainuddin, Muhammad Mustakim Ramli dan Muhammad Reza Muhsain
bhsukan@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Ketika Brazil terus mendapat kepercayaan untuk menjulang trofi Piala Dunia, Jerman terus mendapat pilihan kalangan tokoh akademik dan peminat pelbagai lapisan yang yakin mereka mampu men-

julung gelaran keempat mereka di Brazil.

Skuad dikenali sebagai Der Mannschaft itu sudah pun memamerkan aksi cemerlang pada perlawanan pembukaan kempen, membenam Portugal 4-0 buat mendahului Kumpulan G ketika ini selain dilihat tidak mempunyai sebarang masalah mengukuhkan penguasaan itu apabila berdepan Ghana, 3 pagi esok.

Taktikal mantap

Bagi Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Universiti Sains Islam Malaysia, Prof



Mustafa

Datuk Dr Mustafa Mohd Hanefah, pasukan pilihannya itu mempunyai corak taktikal yang mantap selain dibarisi skuad campuran



Yuserrie

senior dan remaja yang amat serasi.

"Saya pilih Jerman selepas melihat pemain barisan senior dan

remaja mereka yang mantap, selain itu taktikal mereka juga kemas dan pasukan kali ini mempunyai semangat juang yang tinggi," katanya mengenai pasukan yang menjulang piala berkenaan pada 1954, 1974 dan 1990 itu.

Pilihan Dr Mustafa itu juga disokong Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Malaysia Pahang, Prof Datuk Dr Yuserrie Zainuddin dengan berkata: "Jerman adalah pilihan saya kali ini. Mereka cukup konsisten."